

PELAN PENGURUSAN RISIKO



**PEJABAT
DAERAH DAN TANAH
KUALA LANGAT**

ISI KANDUNGAN

BAB	KANDUNGAN
1	PENGENALAN
2	POLISI PENGURUSAN RISIKO 2.1 Latar Belakang Agensi 2.2 Risiko dan Pengurusan Risiko mengikut konteks Agensi 2.3 Model Pengurusan Risiko 2.4 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko 2.5 Senarai <i>Stakeholders dan Pelanggan</i> 2.6 Indeks Kebarangkalian dan Impak 2.7 Had Penerimaan Risiko
3	SENARAI INSIDEN RISIKO
4	JADUAL PENILAIAN DAN STRATEGI KAWALAN RISIKO
5	PENUTUP



PENGENALAN

Pengurusan Risiko merupakan salah satu aspek pengurusan yang perlu diberi perhatian dami memastikan kelangsungan kualiti Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat. Selaras dengan itu, adalah menjadi keutamaan PTDKL agar memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem pengurusan risiko yang berkesan dapat menepati matlamat jabatan bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

Bagi menjamin pelaksanaan proses kerja yang berkesan, satu bentuk perancangan dan pelan tindakan perlu dirangka sewajarnya bagi memastikan Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat yang telah diwujudkan itu dapat dilaksanakan sepertimana yang diharapkan. Oleh itu, Pelan Pengurusan Risiko ini telah dikenalpasti dan dibentuk, bersesuaian dengan objektif kualiti organisasi bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan. Sebuah Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dianggotai oleh pegawai pengurusan tertinggi jabatan bertindak sebagai pemantau akan mengawalselia setiap proses kerja di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat. Perancangan dan pelaksanaan pengurusan risiko ini meliputi tempoh Pelan Strategik PTDKL bagi tahun 2020-2025 berserta kajian semula dan semakan akan dilaksanakan secara berterusan.

Pelan Pengurusan Risiko Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat adalah bertujuan untuk mengenalpasti risiko serta menganalisa kesan dan akibat sekiranya sesuatu risiko itu terjadi dan justeru itu merancang tindakan-tindakan kawalan, tindakan alternatif dan penambahbaikan dalam mengawal risiko tersebut daripada terus mengakibatkan kesan yang buruk. Pelan ini dijangka dapat menghadapi cabaran dalaman dan luaran organisasi dalam segala urusan. Inisiatif yang digariskan dalam pelan ini perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan penuh dedikasi oleh semua pihak. Di samping itu, proses penambahbaikan pelan perlu diteruskan dari semasa ke semasa selaras dengan cabaran dan keperluan baru pada masa akan datang.



Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko ini merupakan satu inisiatif yang julung kali diadakan bagi Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat. Pengurusan Risiko merupakan amalan terbaik dalam urusan Tadbir Urus Korporat yang berkesan. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menyedari betapa pentingnya mempunyai struktur pengurusan risiko yang komprehensif bukan sekadar untuk mengurus risiko dengan berkesan tetapi juga bersedia dengan sebarang kemungkinan atau kejadian yang tidak diduga.

Pengurusan ini dapat membantu organisasi mengenalpasti halangan-halangan dan seterusnya menggubal inisiatif dan penambahbaikan bagi membantu organisasi mencapai matlamat. Dengan itu, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat telah melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko untuk mengurus risiko yang dihadapi oleh organisasi ini.



POLISI PENGURUSAN RISIKO

LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat merupakan salah sebuah jabatan di Selangor yang bertanggungjawab dalam pengurusan hal-ehwal tanah selain daripada Pejabat Daerah dan Tanah di lapan daerah lain. Kuala Langat yang meliputi kawasan seluas 31,400 hektar merupakan fokus utama pihak pengurusan dalam membangunkan kawasan-kawasan tersebut selain menjaga kepentingan para pemilik tanah dan kerajaan negeri.

Pengurusan yang cekap dan mesra rakyat menjadi agenda utama Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai yang berurusan di pejabat ini.

Selain daripada itu, tumpuan utama juga diberikan kepada kutipan hasil yang dapat menjana ekonomi negeri dan negara umumnya. Oleh yang demikian, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat bertanggungjawab untuk memastikan penggunaan tanah yang teratur dan sistematik supaya kemajuan daerah dapat diselaraskan dalam memenuhi matlamat serta misi kerajaan negeri dalam mencapai sasaran Selangor Maju.



Peranan Utama

1. Agensi pemungut hasil/cukai kerajaan negeri.
2. Pentadbir dan perancang kepada pembangunan daerah secara menyeluruh.
3. Jabatan penghubung antara kerajaan melalui pelaksanaan dan penyelarasan serta projek kerajaan.
4. Bertanggungjawab memajukan taraf hidup sosio ekonomi rakyat.
5. Urusetia kepada perancangan dan pembangunan tanah daerah.

Objektif

Menyedia dan memberi perkhidmatan terbaik yang mesra pelanggan, responsif, sistematik dan berkualiti.

VISI, MISI DAN SLOGAN

VISI

Kuala Langat Daerah Terunggul Di Negeri Selangor Dan Pejabat Daerah Dan Tanah Termaju Di Malaysia Menjelang Tahun 2025.

MISI

Memberi Perkhidmatan Yang Perihatin, Berkualiti Dan Mesra Demi Kesejahteraan Rakyat.

SLOGAN

Anda Diutamakan.




DEFINISI PENGURUSAN RISIKO

Pembentukan suatu sistem kawalan bagi menguruskan risiko yang boleh menjejaskan perancangan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kutipan hasil, urus tadbir tanah, pembangunan daerah dan pengurusan kesejahteraan masyarakat ke arah negeri berpendapatan tinggi seiring dengan hasrat menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri maju.



MODEL PENGURUSAN RISIKO

Pelaksanaan pengurusan risiko di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat menggunakan model standard AS/NZ 4360. Standard ini dipilih kerana ia sesuai dengan struktur organisasi dan operasi Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat.



STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO



Pasukan Pengurusan Risiko Agensi melalui *Risk Champion* perlu melaporkan kepada *Chief Risk Officer (CRiO)*. *CRiO* dicadangkan dilantik daripada kalangan Timbalan Ketua Setiausaha. Walau bagaimanapun, Agensi diberikan kelongsaran untuk menentukan sama ada perlu mewujudkan Jawatankuasa Khas untuk Pengurusan Risiko atau tidak.

PASUKAN PENGURUSAN RISIKO Agensi

Pengerusi	Pengarah/ SUB Bahagian (<i>Risk Champion</i>) * sekurang-kurangnya satu (1) <i>Risk Champion</i> perlu dilantik bagi setiap Agensi
Ahli	Wakil Bahagian (<i>Risk Officers</i>) * sekurang-kurangnya satu (1) <i>Risk Officer</i> (KPSU/PSU) perlu dilantik bagi mewakili setiap bahagian



Mengenal pasti risiko, ancaman dan impak yang dihadapi oleh setiap bahagian;

Membangun, mengemaskini dan memantau pengurusan risiko bahagian supaya sentiasa lengkap dan terkini;

Menilai, menganalisis, mengklasifikasikan dan mengenalpasti impak risiko di setiap bahagian;

Mewakili dan mengetuai bahagian masing-masing dalam menangani dan mengawal risiko di peringkat bahagian; dan

Mencadangkan kepada pengurusan atasan agensi bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko agensi.



STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN RISIKO PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN RISIKO PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT



**PENGURUSAN
TERTINGGI**
PEGAWAI DAERAH
MUHAMMAD HEEZA BIN HASSAN



**KETUA
PENGURUSAN
RISIKO**
KET.PEN.PEG.DAERAH (KP)
MOHD FAZLEE BIN MOHD LATIFF



SETIAUSAHA
PEN.PEG. TADBIR (PENT & KEW)
NORIDIN BIN SAPAN



STAKEHOLDERS

**YAB DATO' MENTERI
BESAR**

**PIHAK BERKUASA
NEGERI**

**YB SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI
SELANGOR**

STAKEHOLDERS

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

PELANGGAN

**JABATAN / AGENSI
KERAJAAN**

**ORANG RAMAI /
RAKYAT**

**SEKTOR SWASTA /
PENIAGA**

PEGUAM

JURU UKUR

KONTRAKTOR



INDEKS KEBARANGKALIAN

SKALA PENARAFAN		KETERANGAN
5	HAMPIR PASTI	Sesuatu kejadian yang kerap/ hampir pasti berlaku – sekali dalam sebulan
4	KEMUNGKINAN TINGGI	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku – sekali setiap 6 bulan
3	ADA KEMUNGKINAN	Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku – sekali setahun
2	KEMUNGKINAN RENDAH	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku – sekali dalam setiap 3 tahun
1	JARANG	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku – sekali melebihi 3 tahun



INDEKS IMPAKS

PERUNDANGAN	Tiada implikasi perundangan	Tindakan yang boleh dilaksanakan melalui tindakan sedia ada	Tindakan mahkamah. Tetapi masih boleh menggunakan peraturan sedia ada dan tidak mempunyai implikasi kewangan	Tiada akta/ peraturan untuk melaksanakan tindakan	Saman di mahkamah yang menyebabkan kerugian (> RM 1 juta)
MANUSIA	Prestasi terjejas yang tidak memerlukan pengawasan	Prestasi terjejas yang memerlukan khidmat nasihat	Prestasi terjejas yang memerlukan kaunseling	Prestasi terjejas yang memerlukan amaran	Prestasi terjejas yang memerlukan tindakan tatatertib
	Motivasi terjejas tetapi tidak perlu rujukan	Motivasi terjejas dan perlu rujukan peringkat unit	Motivasi terjejas dan perlu rujukan peringkat bahagian	Motivasi terjejas dan perlu rujukan pengurusan atasan	Motivasi terjejas dan perlu rujukan pihak luaran
REPUTASI	Aduan yang tidak berkaitan	Aduan daripada Sistem E Aduan	Aduan daripada media dan BPA	Aduan yang melibatkan aduan daripada Kerajaan Negeri	Aduan daripada YAB Ketua Menteri Melaka dan KSN
KEWANGAN	≤ 1 % daripada peruntukan perbelanjaan tahunan yang diluluskan	≤ 2% daripada peruntukan perbelanjaan tahunan yang diluluskan	> 2% - 3% daripada peruntukan perbelanjaan tahunan yang diluluskan	> 3% - 4% daripada peruntukan perbelanjaan tahunan yang diluluskan	>4% daripada peruntukan perbelanjaan tahunan yang diluluskan
OPERASI	Tidak dapat beroperasi <2 jam	Tidak dapat beroperasi > 2 – 4 jam	Tidak dapat beroperasi > 4-12 jam	Tidak dapat beroperasi >12 –24 jam	Tidak dapat beroperasi >24 jam
	TIADA KESAN SIGNIFIKAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	BENCANA
	1	2	3	4	5



MATRIKS HAD PENERIMAAN RISIKO

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO
E	13-25	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan
H	8-12	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan Agensi
M	4-7	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan
L	1-3	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada.

Memerlukan pertimbangan dan keputusan pengurusan tertinggi/ atasan Kementerian had penerimaan risiko:

- (a) Risiko BOLEH diterima; dan
 (b) Risiko TIDAK BOLEH diterima.

CONTOH:

SKALA TAHAP RISIKO	HAD PENERIMAAN
8-25	Tidak Diterima
1-7	Diterima

Had Penerimaan Risiko (*Risk Appetite*) : Tahap risiko di mana sesebuah agensi bersedia untuk terima.



POLISI PENGURUSAN RISIKO

Teras Strategik 1 : Memantapkan Keupayaan dan kapasiti Organisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan melalui penghayatan nilai-nilai murni dan tadbir urus yang cemerlang.

Bil	Jenis Risiko	Insiden Risiko
1.	Sumber Manusia	Kekosongan jawatan yang tidak diisi.
2.	Sumber Manusia	Kakitangan tidak kompeten untuk melaksanakan tugas.
3.	Sistem dan Kewangan	Myportfolio tidak dikemas kini dengan senarai tugas terkini.
4.	Operasi	Penyelenggaraan dan pemantauan aset/ perkakasan ict yang tidak teratur. Contoh: server down, kekurangan kepakaran ICT, masih menggunakan sistem kutipan cukai lama
5.	Operasi	Kakitangan tidak berada di pejabat.

Teras Strategik 2 : Menggiatkan pembangunan daerah secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.

Bil	Jenis Risiko	Insiden Risiko
1.	Manusia	Bantuan bencana lambat disalurkan kepada rakyat.
2.	Operasi	Kegagalan dan kelewatan pelaksanaan projek-projek pembangunan.



Teras Strategik 3 : Mewujudkan sistem pentadbiran tanah yang bersistematik di peringkat daerah.

Bil	Jenis Risiko	Insiden Risiko
1.	Sistem dan Kewangan	Tunggakan hasil yang tinggi bagi cukai tanah yang tertunggak dan cukai tanah semasa.
2.	Manusia	Kehilangan dokumen-dokumen rasmi daripada bilik kebal.
3.	Manusia	Pemalsuan dokumen pendaftaran hakmilik tanah.



JADUAL PENILAIAN RISIKO DAN STRATERGI KAWALAN

Senarai insiden di peringkat tinggi dan tidak boleh diterima oleh Pejabat daerah dan Tanah Kuala Langat dan memerlukan strategi kawalan adalah seperti berikut :-

Teras Strategik 1 : Memantapkan Keupayaan dan Kapasiti Organisasi bagi Meningkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Melalui Penghayatan Nilai-Nilai Murni dan Tadbir Urus yang Cemerlang.

BIL	JENIS RISIKO	SEBAB	CEGAH	INSIDEN	MITIGASI	AKIBAT	KEBARANGKALIAN				IMPAK (a+b+c+d)/n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO (WARNA)	
							(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi				
1	Sumber Manusia	1. Tiada pemantauan secara sistematik. 2. Pengambilan baru lambat dilaksanakan. 3. Tiada kajian keperluan jawatan secara berkala.	1. Membuat kajian keperluan semula. 2. Membuat perantukan baru dengan segera.	Kekosongan jawatan yang tidak diisi.	1. Permohonan agar Bahagian Pengurusan Sumber manusia mengisi jawatan segera secara sambilan / kontrak. 2. Membuat penyusunan semula tugas di kalangan kakitangan sedia ada.	1. Kerja <i>overload</i> , kakitangan stress. 2. Produktiviti dan kualiti kerja menurun 3. Ke kerap kesilapan kerja berlaku.	4	4	3	1	4	3	12	H
2	Sumber Manusia	1. kurang latihan khusus. 2. Kakitangan baru. 3. Kurang pendedahan skop tugas.	1. Mengadakan Kursus Pra-Perkhidmatan kpd kakitangan baru 2. Ujian psikologi penempatan	Kakitangan tidak kompeten untuk melaksanakan tugas.	1. Mengadakan kursus / latihan yang sesuai dengan bidang tugas. 2. Mewujudkan sistem <i>mentor-mentee</i> . 3. Mengemas-kini Fail Meja masing-masing.	Kerja tidak cekap dan produktiviti menurun.	3	1	3	3	3	2.5	7.5	H
3	Sistem dan Kewangan	Tiada pemantauan berterusan.	Membuat pemantauan secara berkala kepada setiap kakitangan.	Fail meja tidak dikemaskini dengan senarai tugas terkini.	Mengadakan kursus pengurusan fail meja.	Kakitangan tidak memahami proses kerja.	3	1	4	1	5	2.75	8.25	H



BIL	JENIS RISIKO	SEBAB	CEGAH	INSIDEN	MITIGASI	AKIBAT	KEBARANGKALIAN				IMPAK (a+b+c+d)/n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO (WARNA)	STRATEGI KAWALAN	
							(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi					
4.	Operasi	1. Kekurangan kakitangan pakar ICT. 2. Kekangan bajet.	1. Membuat penstrukturan semula pertambahan kakitangan Unit IT. 2. Mengadakan saringan dan kursus khas kepada kakitangan baru.	Penyelenggaraan dan pemantauan aset / perkakasan ict yang tidak teratur. Contoh: <i>server down</i> , kekurangan kepakaran ICT, masih menggunakan sistem kutipan cukai lama.	1. Mengadakan kursus lanjutan berkaitan ICT. 2. Mengutamakan perbelanjaan yang penting.	1. Urusniaga tergendala. 2. Kelewatan urusan. 3. Aduan daripada pelanggan	2	1	5	4	5	3.75	7.5	H	Cegah atau Mitigasi
5.	Operasi	1. Kurang berdisiplin. 2. Mempunyai kerja-kerja sampingan semasa kerja.	1. Pemasangan CCTV. 2. Mengadakan motivasi, ceramah, <i>teambuilding</i>	Kakitangan tidak berada di pejabat.	1. Tindakan tatatertib. 2. Memberi surat amaran. 3. Mengadakan kursus pening - katan jati diri.	1. Produktiviti kerja menurun. 2. Mencemarkan imej jabatan. 3. Tiada Ujian psikologi	3	2	2	2	2	2	6	M	Cegah



Teras Strategik 2 : Menggiatkan Pembangunan Daerah Secara Holistik untuk Kesejahteraan Masyarakat.

BIL	JENIS RISIKO	SEBAB	CEGAH	INSIDEN	MITIGASI	AKIBAT	KEBARANGKALIAN				IMPAK (a+b+c+d)/n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO (WARNA)	STRATEGI KAWALAN	
							(a) Manusia	(b) Reputasi	(c) Kewangan	(d) Operasi					
1.	Manusia	Karenah birokrasi.	Mempemudahkan urusan permohonan dan proses kerja.	Bantuan bencana lambat disalurkan kepada rakyat.	1. Penurunan kuasa kepada pegawai pelulus. 2. Penetapan KP kepada semua penghulu bagi mempercepatkan serahan. 3. Kelulusan secara berkelompok.	1. Kurang kepercayaan daripada rakyat. 2. Aduan rakyat meningkat	2	4	4	1	1	2.5	5	M	Cegah
2.	Operasi	1. Kontraktor tidak berkualiti. 2. Kekurangan tenaga kerja untuk tujuan pemantauan.	1. Memperketatkan syarat pemilihan kontraktor. 2. Pemantauan secara lebih kerap kepada projek-projek yang berisiko tinggi. 3. Mengurangkan karenah birokrasi.	Kegagalan dan kelewatan pelaksanaan projek-projek pembangunan	1. Mesyuarat pemantauan secara berkala. 2. Lawatan pemantauan di tapak projek. 3. Tindakan penyusunan / penjadualan semula kemajuan kerja.	1. Kelewatan masyarakat menikmati kemudahan yang disediakan. 2. Kredibiliti kerajaan terjejas. 3. Aktiviti sosial dan masyarakat terganggu.	3	3	3	2	2	2.5	7.5	M	Cegah



Teras Strategik 3 : Mewujudkan Sistem Pentadbiran Tanah yang Bersistematik Di Peringkat Daerah.

BIL	JENIS RISIKO	SEBAB	CEGAH	INSIDEN	MITIGASI	AKIBAT	KEBARANGKALIAN				IMPAK (a+b+c+d)/n	TAHAP RISIKO	KOD TAHAP RISIKO (WARNA)	STRATEGI KAWALAN	
							(a) Manusia	(b) Reputasi	(c)	(d) Operasi					
1.	Sistem dan Kewangan	1. Kakitangan tidak cekap. 2. Sistem Kutipan Hasil versi lama.	1. Mesyuarat pemantauan tunggakan hasil oleh Kerajaan Negeri yang lebih kerap. 2. Membuat kutipan luar yang lebih kerap. 3. Memudahkan sistem bayaran <i>online</i>	Tunggakan hasil yang tinggi bagi cukai tanah yang tertunggak dan cukai tanah semasa.	1. Mempercepatkan pengeluaran notis 6A. 2. Mengadakan kempen insentif pembayar cukai yang berkesan. 3. Mempelbagaikan kaedah pengagihan bil cukai tanah. 4. Mempercepatkan pelaksanaan sistem E-Tanah. 5. Menjalankan proses pembersihan data.	Perancangan negeri untuk pembangunan negeri terjejas.	3	1	1	5	2	2.25	6.75	M	Cegah
2.	Manusia	Pengurusan bilik kebal yang kurang cekap.	1. Pemasangan CCTV di bilik kebal. 2. Tapisan keselamatan kepada petugas bilik kebal. 3. Membuat penggiliran kerja bagi petugas bilik kebal. 4. Menghadkan individu yang diberi kebenaran sahaja memasuki bilik kebal.	Kehilangan dokumen - dokumen rasmi daripada bilik kebal.	1. Tindakan tatatertib. 2. Pertukaran kakitangan yang terlibat. 3. Membuat penyimpanan data secara digital.	1. Penipuan daftar hakmilik. 2. Daftar hak milik di Pejabat Tanah diragui.	1	5	5	5	1	4	4	M	Cegah
3.	Manusia	Kurang pemantauan daripada peringkat pegawai atasan dan tiada tindakan.	1. Mewujudkan Kaedah backup maklumat secara digital seperti mengimbas dokumen. 2. Mewujudkan katakunci (password) di komputer pegawai yang bertanggung-jawab menyimpan maklumat pendaftaran hakmilik bagi mengelakkan pencerobohan maklumat berlaku.	Pemalsuan dokumen pendaftaran hakmilik tanah	Proses penyaksian pindah milik tanah dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah.	Ketidapercayaan rakyat terhadap perkhidmatan Awam Negeri Melaka.	1	5	5	5	1	4	4	M	Cegah



PENUTUP

Pelan Pengurusan Risiko Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat digubal selaras dengan kehendak kepimpinan dalam merangka kerja kepada pihak pengurusan dan sebagai panduan kepada semua warga Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat ke arah pencapaian visi dan misi yang telah ditetapkan.

Skop dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTDKL termasuklah menyemak dan mencadangkan strategi pengurusan risiko, polisi dan toleransi risiko bagi kelulusan pihak pengurusan. Selain daripada itu, jawatankuasa itu juga menyemak dan menilai polisi pengurusan risiko dan rangka kerja dalam mengenalpasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko, memastikan infrastruktur, sumber dan sistemnya adalah dalam keadaan yang baik serta menyemak laporan pengurusan tentang pendedahan kepada risiko dan aktiviti pengurusan risiko. Satu pelan tindakan yang komprehensif telah dibangunkan yang meliputi pelbagai proses utama daripada semua unit di Jabatan. Tindakan yang dirangka di dalam pelan tersebut adalah mengenalpasti risiko dan mencari langkah-langkah penyelesaian bagi memastikan objektif setiap proses utama Jabatan dapat tercapai.

Kesimpulannya, Pelan Pengurusan Risiko ini dapat menjadi pemangkin kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap sekaligus menjamin kelancaran dan keberkesanan pentadbiran tanah di Negeri Selangor.

Sebagai satu langkah penambahbaikan secara berterusan Pelan Pengurusan Risiko ini sebenarnya tiada tempoh tertentu namun disediakan bagi membantu dalam merealisasikan matlamat dan sasaran yang terkandung dalam pelan strategik Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat 2010-2015 ke arah menjadikan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat terbaik di Malaysia.

